



TEKS
KHUTBAH
NEGERI PAHANG
NOVEMBER 2025



SEDIAKAN PAYUNG SEBELUM HUJAN
28 NOVEMBER 2025M | 07 JAMADILAKHIR 1447H

الْحَمْدُ لِلَّهِ نَحْمَدُهُ وَنُسْتَعِينُهُ وَنَسْتَغْفِرُهُ. وَنَعُوذُ بِاللَّهِ مِنْ شُرُورِ أَنْفُسِنَا وَمِنْ سَيِّئَاتِ
أَعْمَالِنَا. مَنْ يَهْدِهِ اللَّهُ فَلَا مُضِلَّ لَهُ وَمَنْ يَضِلَّ فَلَا هَادِيَ لَهُ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ
وَرَسُولُهُ.

اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ أَجْمَعِينَ.
أَمَّا بَعْدُ،

فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، ، اتَّقُوا اللَّهَ وَأُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ، فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.

Marilah kita bersungguh-sungguh meningkatkan ketakwaan kepada Allah Taala dengan melaksanakan segala perintah Allah Taala dan meninggalkan segala larangan-Nya. Sesungguhnya takwa adalah bekal yang terbaik untuk kebahagiaan hidup kita sama ada di dunia mahupun akhirat.



Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Subhanahu wa Ta'ala,

Bencana alam seperti banjir, tanah runtuh dan lain-lain lagi berlaku setiap tahun terutamanya pada musim tengkujuh. Kesannya amat besar sehingga memusnahkan harta benda dan mengorbankan nyawa. Ia adalah sebahagian ujian daripada Allah Taala kepada kita sebagaimana firman-Nya dalam surah al-Baqarah ayat 155:

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ

وَلَنَبْلُوَنَّكُمْ بِشَيْءٍ مِّنَ الْخَوْفِ وَالْجُوعِ وَنَقْصٍ مِّنَ الْأَمْوَالِ وَالْأَنْفُسِ وَالثَّمَرَاتِ ۗ
وَبَشِّرِ الصَّابِرِينَ

Yang bermaksud : “*Demi sesungguhnya! Kami akan menguji kamu dengan sedikit perasaan takut (kepada musuh) dan (dengan merasai) kelaparan, dan (dengan berlakunya) kekurangan dari harta benda dan jiwa serta hasil tanaman. Dan berilah khabar gembira kepada orang yang sabar.*”

Orang yang beriman menyakini bahawa bencana alam adalah ketentuan Allah Azza Wajalla. Apabila ditimpa bencana hendaklah kita reda dan bersabar dalam menghadapinya serta menyakini bahawa ada kebaikan daripada bencana tersebut. Banyakkan berdoa kerana melalui doa kita menyerahkan segala urusan kepada Allah Azza Wajalla dan mengharapkan hanya kepada pertolongan-Nya. Dalam hadis riwayat Imam Muslim, apabila ditimpa bencana Rasulullah sallallahu`alaihi wasallam mengajarkan kita doa ini:



إِنَّا لِلَّهِ وَإِنَّا إِلَيْهِ رَاجِعُونَ اللَّهُمَّ أَجْزِنِي فِي مُصِيبَتِي وَأَخْلِفْ لِي خَيْرًا مِنْهَا

Yang bermaksud: *“Kita milik Allah semata dan sesungguhnya hanya kepada-Nya kita kembali. Ya Allah berilah aku pahala dalam musibah yang menimpaku, dan berilah aku ganti yang lebih baik daripada musibah yang telah menimpa.”*

Sidang Jumaat yang dirahmati

Walaupun kita meyakini bahawa semua bencana adalah ketentuan Allah Azza Wajalla namun kita juga dituntut untuk membuat persediaan dan tidak mendedah diri kepada bencana. Pepatah Melayu menyatakan sediakan payung sebelum hujan. Nabi Yusuf Alaihissalam meminta rakyat Mesir bersiap-sedia bercucuk tanam dengan bersungguh-sungguh selama tujuh tahun bagi menghadapi musim kemarau. Sebagai langkah berjaga-jaga kita semua hendaklah membuat persediaan sewajarnya untuk keselamatan diri, keluarga dan harta benda sebelum kedatangan bencana. Firman Allah Azza Wajalla dalam surah al-Baqarah ayat 195 yang bermaksud: *“Dan janganlah kamu sengaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”*

Oleh itu, jagalah diri dan keluarga kita supaya selamat daripada bahaya dan bencana. Elakkan berada di kawasan yang terdedah kepada kemungkinan berlakunya bencana seperti kepala air, tanah runtuh dan lain-lain lagi terutama pada musim hujan. Buatlah persediaan dengan menyimpan makanan asas yang mencukupi supaya tidak menyusahkan kita sekeluarga sebelum dapat memperolehi bantuan. Pada masa yang sama simpan



dokumen-dokumen penting diletakkan di tempat yang selamat. Apabila berlaku bencana seperti banjir hendaklah kita semua berusaha menasihati kaum keluarga terutamanya anak-anak kecil dan remaja supaya tidak bermain dengan air banjir agar dapat menghindari daripada penyakit berjangkit, lemas dan renjatan elektrik. Kita juga hendaklah sentiasa mematuhi arahan pihak berkuasa dari semasa ke semasa.

Sidang Jumaat yang dikasihi

Kejadian bencana alam yang banyak berlaku juga menuntut kepada kita untuk rasa bimbang bahawa ia sebahagian daripada tanda kemurkaan Allah Azza Wajalla sebagaimana yang menimpa kepada umat yang terdahulu. Umat Nabi Nuh, Nabi Soleh, Nabi Luth, Nabi Musa dan lain-lain diazab dengan bencana alam seperti banjir besar, ribut taufan dan gempa bumi kerana syirik dan maksiat yang mereka lakukan. Amat menyedihkan kerana maksiat seperti zina, minum arak, pembunuhan, penipuan, rasuah dan lain-lain dilakukan dengan berleluasa hari ini. Ditambah pula dengan hiburan yang melampau dan hidup dalam keseronokan dunia seakan-akan mereka mengundang kemurkaan Allah Azza Wajalla. Ingatlah akan firman-Nya dalam surah al-Ankabut ayat 40 yang bermaksud: *“Maka masing-masing (mereka itu) Kami binasakan kerana dosanya. Antara mereka ada yang Kami hantarkan angin ribut yang menghujani mereka dengan batu, ada yang dibinasakan dengan letusan suara yang kuat (yang menggegarkan bumi), ada yang Kami benamkannya di bumi dan ada pula Kami tenggelamkan di laut.”*



Oleh itu, marilah kita semua kembali kepada Allah Azza Wajalla agar kita mendapat rahmat-Nya dan dijauhi daripada kemurkaan-Nya. Elakkan diri kita dan kaum keluarga daripada maksiat dan sifat-sifat mazmumah. Banyakkanlah berdoa, bertaubat, beristighfar, berzikir, bersedekah, tolong-menolong dan saling berkasih sayang. Berusahalah untuk menghadirkan diri ke masjid dengan mendirikan solat berjemaah setiap hari supaya kita mendapat kasih sayang Allah Azza Wajalla.

Sidang Jumaat yang dirahmati Allah Taala,

Ingatlah! Sesungguhnya semua musibah dan bencana adalah dari Allah Azza Wajalla. Kita dituntut untuk membuat persediaan seperti menyimpan makanan asas dan dokumen-dokumen penting. Dekatkan diri dengan Allah Azza Wajalla dan hindari maksiat supaya kita dihindari dari musibah dan bencana. Sentiasalah amalkan doa yang diajar oleh Rasulullah sallallahu alaihi wasallam,

اللَّهُمَّ إِنِّي أَعُوذُكَ مِنْ جَهْدِ الْبَلَاءِ وَدَرَكِ الشَّقَاءِ وَسُوءِ الْقَضَاءِ وَشَمَاتَةِ الْأَعْدَاءِ

Yang bermaksud: “*Ya Allah, sesungguhnya aku berlindung kepada-Mu dari susahnya bala’ (bencana), tertimpa kesengsaraan, keburukan qadha’ (takdir), dan kegembiraan para musuh.*”

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ



ظَهَرَ الْفَسَادُ فِي الْبَرِّ وَالْبَحْرِ بِمَا كَسَبَتْ أَيْدِي النَّاسِ لِيُذِيقَهُمْ بَعْضَ الَّذِي
عَمِلُوا لَعَلَّهُمْ يَرْجِعُونَ ﴿١٤﴾

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ
الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ، وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ. أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ،
وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.